

KENYATAAN AKHBAR

"MINI-EKSPLO PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN 2017"

01hb. – 05hb. November 2017

Plaza Tengah, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Negara Brunei Darussalam

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang mengendalikan Mini-Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2017, bersempena dengan sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki Takhta dan diselajurkan juga dengan sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan yang jatuh pada 01hb. November 2017. Ianya akan diadakan selama lima (5) hari bermula pada hari Rabu, 1hb. November 2017 hingga hari Ahad, 5hb. November 2017, bertempat di kawasan Plaza Tengah, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Mini-Ekspo ini membawa tema '**Merangsang Produktiviti Melalui Teknologi**', yang mana selaras dengan salah satu penekanan atau teras utama Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan teknik moden bagi melonjakkan pengeluaran dengan cepat serta membantu mengurangkan unit kos pengeluaran dalam jangka panjang. Ini juga boleh membantu dalam meningkatkan dayaasaing antarabangsa atau international competitiveness sehingga mampu bersaing diperingkat antarabangsa.

Antara objektif penganjuran Mini-Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2017 ini ialah :

- i.) Untuk mempamerkan sejarah dan kemajuan 50 tahun (1967 - 2017) industri pertanian di Negara Brunei Darussalam;
- ii.) Untuk mempamerkan teknologi moden dan terkini bagi peningkatan produktiviti serta pertumbuhan hasil keluaran, termasuklah pameran daripada pembekal-pembekal perkhidmatan (*service provider*) yang berkaitan;
- iii.) Untuk mempromosikan peluang-peluang pelaburan dalam industri pertanian, penternakan dan agrimakanan;
- iv.) Untuk mengetengahkan pengusaha-pengusaha pertanian, penternakan dan agrimakanan yang progresif dan berdaya maju, terutamanya dari kalangan belia-belia tempatan;

- v.) Untuk memberigakan hala tuju industri pertanian, penternakan dan agrimakanan sepertimana yang terkandung pada Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016-2020; dan
- vi.) Untuk mempamerkan peranan dan bidang tugas utama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam mendokong pertumbuhan keluaran industri pertanian, penternakan dan agrimakanan.

Antara teknologi-teknologi yang akan dipamerkan termasuklah teknologi dalam industri ternakan seperti sistem fidlot, reban ayam tertutup, reban ayam tertutup dan bertingkat dan rumah kambing; teknologi dalam industri tanaman seperti fertigasi, pengairan titis, *Light-Emitting Diode (LED)*, rumah terlindung, hidroponik, sistem menegak (*Vertical Farming*); kegiatan kajian mengenai *High-Yielding Variety Trial* bagi komoditi padi; kajian penerokaan sumber air bawah tanah; dan teknologi dalam industri pemprosesan dan produk tambah-nilai. Sebilangan pengusaha yang menyertai mini-ekspo ini juga akan mengetengahkan teknologi-teknologi berkenaan yang mereka guna-pakai diladang-ladang mereka.

Selain dari itu, Mini-Ekspo ini juga akan diisikan dengan beberapa sesi ceramah, seminar dan taklimat yang berkaitan kepada perkembangan dan penggunaan teknologi-teknologi pertanian, yang mana sesi ceramah, seminar dan taklimat berkenaan akan disampaikan oleh beberapa orang pengusaha tempatan.

Antara tajuk-tajuk yang disampaikan ialah Teknologi Pengeluaran Ayam Pedaging; Teknologi Hidroponik; Teknologi Fertigasi; Teknologi Pengeluaran Cendawan (*Grey Oyster Mushroom Production*); Teknologi Penanaman Menegak (*Vertical Farming*); dan Teknologi Pengeluaran secara Organik (*Organic Farming*).

Mini-Ekspo ini juga akan memberikan pengiktirafan kepada golongan belia-belie yang menceburkan diri dalam perusahaan pertanian dan agrimakanan di negara ini. Melalui penghargaan seperti ini, ianya adalah diharapkan akan dapat menyuntik semangat serta galakan kepada belia-belie di negara ini untuk terus mengorak langkah dan menjadikan perusahaan pertanian dan agrimakanan sebagai satu perusahaan ataupun bisnes yang dapat menjamin pendapatan dan perekonomian yang berdaya tahan.

Majlis Perasmian Mini-Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2017 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam pada hari Rabu, 1hb. November 2017 bertempat di kawasan Plaza Tengah, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir semasa majlis perasmian tersebut ialah Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Asing ke Negara Brunei Darussalam; Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; serta peladang-peladang dan penternak-penternak di negara ini.

Mini-Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2017 ini dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama lima hari bermula hari **Rabu, 12 Safar 1439H bersamaan dengan 01 November 2017M** sehingga hari **Ahad, 16 Safar 1439H bersamaan dengan 05 November 2017M** dari jam **9.00 pagi hingga 6.00 petang** setiap hari kecuali pada hari Jumaat iaitu dari **9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** dan dari jam **2.00 petang hingga 6.00 petang**.